

LEBIH CEPAT

Vaksinasi:
Tempoh
lebih singkat
capai imuniti
kelompok



Dato' Ahmad
Amzad Hashim

Oleh **WAN NORDIN WAN YAACOB**

KUALA LUMPUR: Menerusi perancangan awal, sasaran Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bagi mencapai sasaran 80 peratus penduduk Malaysia menerima vaksin dijangka diselesaikan pada Februari 2022.

Namun, tempoh masa ini telah disingkatkan kepada Disember 2021 apabila mengambil kira keadaan penularan Covid-19 yang sangat membimbangkan untuk tempoh beberapa bulan ini.

Selain daripada sasaran jumlah penerima vaksin, prestasi PICK juga turut menjadi salah satu daripada nilai ambang yang ditetapkan bagi peralihan fasa-fasa Pelan Pemulihan Negara.

Nilai ambang yang ditetapkan adalah berdasarkan peratusan populasi dewasa 18 tahun ke atas yang telah menerima dos vaksin lengkap di setiap negeri. Nilai ambang yang ditetapkan bagi PICK adalah seperti berikut:

- a) Fasa 1 kepada Fasa 2: 10 peratus menerima dos lengkap
- b) Fasa 2 kepada Fasa 3: 40 peratus menerima dos lengkap
- c) Fasa 3 kepada Fasa 4: 60 peratus menerima dos lengkap

PICK mula menunjukkan keberjayaan di Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak.

Labuan adalah negeri pertama yang mencapai liputan imunisasi lebih 80 peratus daripada popu-

lasi dewasa. Negeri ini yang pernah mencatatkan 132 kes sehari pada 30 Jun mula menunjukkan penurunan kes yang ketara sehingga tujuh kes sehari pada 2 Ogos setelah mencapai liputan imunisasi lebih 80 peratus daripada populasi dewasa.

Negeri Sarawak juga antara negeri yang telah mencapai liputan imunisasi yang tinggi iaitu 67 peratus daripada populasi dewasa.

"Kita boleh melihat bahawa peningkatan liputan imunisasi telah menurunkan kadar memasuki pesakit Covid-19 ke ICU. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan beban kepada sistem kesihatan," kata Timbalan Menteri MOSTI, Dato' Ahmad Amzad Hashim dalam analisa kejayaan PICK pada Khamis lepas. ► **H7 & H8**